

“QURAN PESAKA” BANGSA INDONESIA

Sedang Ditulis Dengan Indahnya

Dalam zaman Almarhum Kiyai Haji Wahid Hasyim menjadi Menteri Agama Republik Indonesia pada kira-kira lima tahun yang lalu, timbul cita-cita Presiden al-Haj Ahmad Sukarno dan Naib Presiden al-Haj Mohammad Hatta, supaya bangsa Indonesia mempunyai sebuah “*Ummūl Maṣāḥif*” (Quran Pesaka) dalam ukuran besar 200 x 100 sentimeter, yang ditulis oleh seorang *khaṭāṭ* (penulis khat) dari putera Indonesia sendiri.

Siapakah gerangan ahli seni tulisan, yang indah “tulisan Arabnya” dan terpilih menunaikan kerja yang besar ini? Jawapannya kita sajikan di bawah ini – Pengarang Qalam.


Orangnya ialah al-Ustaz al-Haj

Muhammad Salim Fakhri putera Langkat yang terkenal.

Lahir di Tanjung Pura Langkat pada tahun 1906, dan menamatkan pelajarannya di sekolah kerajaan di Tanjung Pura dalam tahun 1915. Pelajaran agamanya pula dimulainya dengan belajar Quran kepada Sheikh Abdul Hamid, kemudian belajar agama dan bahasa Arab kepada Sheikh Muhammad Ziyadah, mufti Langkat Hilir.

Semenjak terdiri Madrasah Maslurah pada tahun 1912 Salim Fakhri terus mengikuti seluruh pelajarannya hingga tamat dalam tahun 1919 lalu diangkat menjadi guru penolong. Di samping belajar di madrasah ini, ia belajar pula khat dan lagu-lagu Quran kepada Haji Abdul Halim, belajar khat kepada Syed Ibrahim, guru di sekolah tersebut, dan belajar bahasa Arab kepada Syed

Abdul Rahman.



Berangkat Ke Mekah

Dalam tahun 1922 Al-Ustaz Salim Fakhri meninggalkan tanah air lalu menuju ke Tanah Suci Mekah. Di Mekah ia belajar di Masjid Al-Haram kepada Sheikh Ḥamdan Al-Maghribī ulama hadis yang terkenal, Sheikh ‘Ali Mālikī dan Sheikh Muhammad Al-Yamānī. Mereka itu ialah guru-guru besar yang terkenal pada zaman itu.

Di Mekah ia terus juga

mempelajari khat kepada *Haji Abdul ‘Azīz* guru khat yang masyhur pada zaman itu.

Melanjutkan Pelajarannya Di Mesir

Pada tahun 1924 belayar ke Mesir lalu meneruskan pelajarannya di Universiti Al-Azhar (*Qismu Al-Am*). Pada tahun 1925 mendapat syahadat “*Ibtidā’iah Niẓāmiah*”. Beliaulah putera Indonesia yang pertama mendapat syahadat

tersebut. Putera-putera Indonesia yang lain pada waktu itu hanya berpada dengan diploma “*ghuraba*”, syahadat yang khas bagi penuntut-penuntut yang datang dari luar negeri.

Sesudah itu beliau belajar terus ke bahagian “*thānawi*” (*nizāmī*) di Azhar. Pelajaran-pelajaran *thānawi nizāmī* Al-Azhar, selain dari mata pelajaran agama seperti : fiqah, tafsir, hadis, dan bahasa Arab, termasuk juga adab *lughah, insha'* dan sebagainya, demikian juga diajarkan pengetahuan ilmu seperti : algebra, kimia, ilmu kedoktoran, hisab, sejarah dunia dan lain-lainnya. Beliau telah menamatkan pelajarannya dalam bahagian *thānawi nizāmī* ini.

Dalam masa belajar di Azhar, ia tidak melepaskan peluang daripada meninggikan pelajarannya tentang khat (menulis cantik), lalu ia meneruskan pelajarannya pada sebelah petang di *Madrasah Tahsin Al-Khutut al-'Arabīah* (sekolah kerajaan Mesir yang didirikan khas untuk mengajar ilmu memperindah segala jenis tulisan Arab).

Dalam tahun 1930 beliau mendapat gelaran “*khaṭāṭ*” (ahli khat, atau ahli seni tulis – P.) Setelah mendapat gelaran lalu ditawarkan oleh kerajaan Mesir supaya beliau bekerja sebagai seorang *khaṭāṭ* kerajaan dalam pejabat *Qismul Misāḥah* (pejabat ukur), dan di syarikat Studio Mesir. Tetapi tawaran itu telah ditolak kerana hendak melanjutkan pelajarannya.

Pada tahun 1931 ia memasuki sekolah “*Darul 'Ulum Al-'Aliyā*” (fakulti khas untuk pendidikan agama peringkat tinggi dan bahasa Arab dari Universiti Mesir), selain daripada mempelajari peringkat tinggi agama dan bahasa Arab, beliau juga mendalami pelajaran falsafah umum dan falsafah Islam, politik ekonomi, tatanegara dunia, geografi dan yang terpenting sekali dipelajarinya ilmu jiwa dan pendidikan (teori dan praktik).

Walaupun terus belajar “di *Darul 'Ulum Al-'Aliyā*” ini, maka pada sebelah petangnya beliau mengambil peluang meneruskan teknik tinggi mutu khatnya bahagian “*tahzībul khūṭūf*”. Beliaulah yang pertama-tama dari seluruh pelajar-pelajar Mesir dalam peperiksaan tahun 1932 yang diadakan oleh kerajaan Mesir, berjaya mendapat nombor satu dan mendapat hadiah yang pertama dari kerajaan Mesir. Selama belajar di Azhar dan *Darul Ulum* beliau terus belajar dan berhubung langsung dengan filosof timur : almarhum *As-Sheikh Tanṭāwī Jauharī, ulama'* tafsir yang terkenal, almarhum *As-Sheikh Muṣṭafā Al-Maraghī*, ketua Universiti Azhar, dan almarhum *As-Sheikh Yusuf Al-Dajawī ulama'* besar yang terkenal, serta dengan almarhum *As-Sheikh Muhammad Bakhtī* mufti Mesir ketika itu.

Dalam tahun 1935 beliau tamat dengan mendapat syahadat dari *Darul 'Ulum Al-'Aliyā*, terus ke Athen (Greece) menjadi guru.

Kembali Ke Tanah Air

Pada tahun 1937 kembali ke tanah air.

Selama di Langkat beliau telah berusaha mendirikan “*Jam'iyyah Al-Wa'az Wāl Irshād*” (yang kemudiannya pada tahun 1950 telah berubah nama lalu dinamakan “Perana Mubaligh Islam”).

Dalam tahun 1945, sesudah kemerdekaan, beliau menjadi guru di “Panti Pengetahuan Umum” Medan, bersama-sama dengan Dr M. Amir, Mr Zulkarnain dan lain-lain.

Semenjak tahun 1945, beliau telah diangkat oleh Gabenor Sumatera, Mr Teuku Muhammad Hasan, menjadi Pegawai Tinggi di Balai Penerangan yang diketuai oleh wakil Gabenor Doktor M. Amir.

Dalam tahun 1946 diangkat menjadi wakil ketua jabatan agama wilayah Sumatera. Dalam masa pendudukan

Belanda, beliau tetap sebagai seorang republikan tinggal di Medan menjadi guru di S.M.P. Yusuwa dan S.M.A.D. dalam pada itu beliau mengajak pemuda-pemuda Islam membangunkan pertubuhan “Perana Mubaligh Islam”. Sebelum itu telah diusahakan oleh beliau sehingga terdiri “Persatuan Guru-Guru Agama Islam” dan beliau terpilih menjadi ketua umumnya. Beliau juga telah mendirikan “Syarikat Pendidik Indonesia” dan terpilih menjadi anggota pengurus besarnya. Dalam pertubuhan al-Ittihadiyah, beliau menjadi ketua pendidikan dan seorang wakil pengurus besar pertubuhan ini di Jakarta. Beliau juga menjadi anggota “Majlis Syura Pusat Masyumi” di Jakarta.

Dalam zaman pendudukan Belanda al-Ustaz Salim Fahri telah merasai juga penjara dalam bilik gelap, kerana beliau dianggap sebagai orang republik yang berbahaya.

agama, beliau juga pada masa ini menjadi pensyarah “di Perguruan Tinggi Islam” Jakarta, dan “Universiti Nasional” Jakarta, dan juga anggota seksyen bahasa dan sastera dalam lembaga bahasa “Kementerian Pendidikan, Pengajaran dan Kebudayaan” yang di ketuai oleh Profesor Peryono, dan menjadi anggota “Majlis Pertimbangan Kesihatan dan Syarak” di Kementerian Kesihatan yang diketuai oleh Dr Ahmad Ramli.

Tatkala diadakan *haflah* (resepsi) antara pelajar-pelajar Indonesia keluaran Mesir dan Duta Mesir di Indonesia, maka pelajar-pelajar Indonesia mengangkat beliau menjadi ketua.

Dalam masa Syeikh al-Azhar dan rombongannya mengelilingi Sumatera dan selama berada di Jakarta, Ustaz Salim Fahri telah diangkat oleh pemerintah menjadi penghubung dengan masyarakat Islam di Indonesia.

Menulis “Quran Pesaka”

Dengan kemahuan menteri agama almarhum Haji Wahid Hasyim, al-Ustaz Salim Fahri telah dipindahkan ke Jakarta berhubung dengan cita-cita presiden dan wakil presiden, yang menghendaki supaya bangsa Indonesia mempunyai sebuah “*Ummūl Maṣāḥif*” (Quran Pesaka) dalam ukuran besar 200 x 100, yang tulis oleh putera Indonesia sendiri; oleh kerana beliaulah orangnya putera Indonesia yang mempunyai pengalaman dan berijazah dalam hal itu, maka tugas pertama di Jakarta waktu ini diserahkan kepada beliau bagi melaksanakan cita-cita yang mulia itu.

Dalam dies natalis (perayaan ulang tahun - P) yang keempat “Perguruan Tinggi Islam” Jakarta, beliau telah memberikan kuliah umum (syaran ilmu - P.) dalam hubungan bahasa Arab dan Quran dengan dihadiri oleh professor-professor dan mahasiswa dari universiti-universiti yang ada di Jakarta.

Dalam pilihan raya konstituti, beliau menjadi calon Masyumi dalam wilayah Sumatera Utara.

Alamatnya di Jakarta :

Haji Muhammad Salim Fahri,
Jalan Asem Lama 162,
Jakarta.

Pensyarah Di Perguruan Tinggi

Di samping menjadi pegawai tinggi di kementerian